

Kelonggaran UMNO tidak timbul masalah kepada Gerakan

MELAKA 21 Mei — Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) beranggapan **kelonggaran** UMNO membenarkan masyarakat Cina Sabah menganggotai **parti** berkenaan tidak akan menimbulkan sebarang masalah **kepada** Gerakan.

Timbalan Presidennya, Datuk Kerk Choo Ting berkata, sebaliknya **parti** itu merasakan tindakan **tersebut** adalah **sangat** baik **sekiranya** idea dan konsep **tersebut** dilaksanakan dengan sempurna.

Menurutnya, tidak mustahil **pada** satu masa nanti, Barisan Nasional (**BN**) akan menjadi **parti** besar yang mewakili pelbagai kaum dengan menganggotai **BN** selain **menjadi** **parti** induk kepada komponen termasuk UMNO, MCA, Gerakan dan MIC.

“Kelonggaran itu tidak **memberi** kesan kepada Gerakan di Sabah kerana sebagai komponen **BN**, **apa** yang penting **kita** perlu pastikan orang ramai menyokong **parti** yang berbilang kaum kerana **ia** mewakili seniu kaum di negara **ini**,” katanya di **sini**, hari **ini**.

Beliau berkata demikian selepas **diminta** mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam, yang membuka keanggotaan UMNO kepada kaum Cina di Sabah **setelah** Parti Angkatan **Keadilan** Rakyat (**Akar**) yang barbilang kaum dibubarkan.

Langkah **tersebut** **menurut** Dr. Mahathir, **bagi** membuktikan **ia** mempunyai dasar yang terbuka untuk mengukuhkan **lagi** kerajaan.